

# KEPADA ANGGOTA IKHWAN

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Pada bulan yang lalu dan tiga keluaran yang terdahulu daripadanya telah kami bentangkan tentang kewajipan kita kepada Tuhan, kepada kedua ibu bapa dan kepada keluarga. Semuanya yang kami anjurkan itu adalah didasarkan kepada anjuran al-Qur'an yakni anjuran daripada Allah yang telah disampaikan oleh Junjungan kita Muhammad *ṣallāllahu 'alāihi wasalam*.

Sekarang sampailah pula kepada kita, kewajipan kepada diri kita sendiri, iaitu setelah kita hidup mempunyai taraf sebagai manusia yang dianjurkan oleh Allah supaya mengikut sebagaimana perintah-perintah-Nya, yang di dalam perintah itu sudah tentulah anjuran-Nya menghendaki supaya kita hidup berbahagia di dunia dan berbahagia pula di akhirat.

Kewajipan kita kepada diri sendiri itu adalah terkandung di dalam firman Tuhan yang maksudnya: "Tetapi janganlah kau keluarkan belanja lebih daripada batasnya, kerana sesungguhnya orang yang mengeluarkan belanja lebih daripada batasnya itu adalah saudara bagi syaitan dan syaitan itu kufur kepada Tuhannya."

Saudara-saudara anggota Ikhwan! Ini adalah satu peringatan yang nyata sebagaimana kita melihat di dalam lingkungan masyarakat kita apabila telah mendapat harta, telah memiliki harta maka menjadilah ia kufur nikmat yakni melupakan tanggungjawabnya kepada harta itu lalu membelanjakannya dengan semahu-mahunya sahaja dengan tidak

lagi memikirkan tanggungjawab kepada masyarakat di sekelilingnya. Keadaan yang serupa ini tidak dapat kami mungkirinya adanya dalam masyarakat kita dan kita melihat sendiri berapa banyak daripada orang-orang kita apabila sudah menerima harta dari pusaka orang tuanya maka hiduplah mereka berleluasa menghabiskan harta itu dengan tidak menambahnya dan tidak dibawanya ke dalam usaha-usaha yang bakal membanyakkannya dan tidak pula memperdulikan hal-hal yang berlaku di sekitar masyarakatnya yang berhajat bantuan dan sokongan daripadanya.

Harta benda yang telah dikurniakan dilupakannya. sama sekali, saudara-saudara Ikhwan, bahawa ia adalah satu amanah yang harus dipelihara dengan hati-hati, harus dibelanjakan di mana yang perlu dan pada tempat-tempatnya yang diperintahkan dan diizinkan oleh Allah- tidak sekali-kali pada tempat-tempat yang ditegah oleh-Nya.

Saudara-saudara anggota Ikhwan! Kalau amanah Tuhan itu kita siakan, kita hamburkan di tempat-tempat yang ditegah, kita belanjakannya pada tempat-tempat yang mengikut kehendak nafsu syahawat dan pujukan Syaitan, maka sudah terang kita sendiri yang akan menanggung kesengsaraannya kemudian kelak- bukan orang lain- tangan mencincang bahu memikul. Kerana itu adalah menjadi kewajipan diri kita mengawalinya dan demikian juga sebaliknya segala kesalahan dan kecuaiannya serta ketiduran kita sendiri yang harus menanggung bebannya.

Kalau saudara-saudara anggota Ikhwan menghamburkan harta benda di tempat-tempat yang dilarang maka sudah terang bermakna bahawa saudara-saudara termasuk dalam golongan syaitan sedang saudara-saudara sendiri mengetahui bahawa, sebagai tersebut di dalam ayat tadi, syaitan telah berlaku kepada perintah Tuhannya. Syaitan sentiasa mengajak dan membisikkan ke telinga kita supaya menghabiskan harta itu di tempat kederhakaan dan di tempat maksiat- di joget, di tempat minum arak, bercekarama dengan pelayan, berjudi dan berbagai-bagai lagi pekerjaan maksiat dengan tujuan supaya kita menjadi kawan syaitan, kawannya yang akan sama kufur terhadap nikmat dan pemberian Tuhan.

Hal yang serupa ini banyak kita lihat dan banyak kita ketahui berlaku di mana-mana, terutamanya di bandar-bandar besar tidak terkecuali di bandar-bandar yang menjadi negeri atau negara Islam. Kita sudah melihat berapa banyak perkara-perkara yang telah membinasakan seseorang itu dan kemudian sesudah harta-harta itu pupus dari tangannya baharulah ia insaf kepada amaran-amaran yang diberi Tuhan supaya mencermat segala sesuatu dan membelanjakan segala sesuatu kepada jalan-jalan yang diredhai oleh Allah semata-mata. Perbuatan membazir adalah menjadi salah satu pokok kerendahan sesuatu umat dan menjadi salah satu pokok pula letaknya kepada kebinasaan umat.

Saudara-saudara anggota Ikhwan melihat sendiri bahawa pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan mengikut nafsu syahawat dengan mudah seseorang itu membenarkan hartanya dan dengan mudah ia mendermakannya, tetapi kalau untuk perkara-perkara yang diseru untuk meninggikan syiar dan kemuliaan agama mereka menjauhkan diri daripadanya bahkan tidak sampai di situ sahaja tetapi mendatangkan pula kata-kata yang tidak enak dihadapkan kepada orang-orang itu.


Demikianlah keadaan kita. Tetapi adalah menjadi salah

satu sikap yang tidak baik di sebalik memboroskan harta iaitu menahan pula harta itu sehingga menjadi bakhil, tidak mahu membelanjakan kepada yang dikehendaki oleh Tuhan dan perbuatan yang demikian sangat-sangat pula dicela. Yang dikehendaki dalam perkara ini ialah pertengahan- jangan memboroskan harta kepada pekerjaan yang ditegah dan memberi bantuan dengan kadar dan upaya kepada lain-lain perkara yang meliputi bahagian dirinya sendiri terlebih dahulu daripada lain-lain.

Di kiri kanan kita hari ini banyak perkara yang dapat kita jadikan contoh dan iktibar serta pengajaran.

Seseorang yang dahulunya hartawan dan kaya raya duduk di kerusi kepuasan dan kesenangan oleh kerana harta dan kekayaannya, segala yang dikehendakinya mudah tercapai, segala yang dimintanya senang diberi, apa katanya selalu dibenarkan walaupun kata-katanya dusta dan berlebih-lebihan. Pada masa ada kekayaan di tangan, saudara-saudara anggota Ikhwan, kawan dan sahabat datang setiap hari mengunjungi rumahnya menghibur dan menggembirakan hatinya, memberi hiburan dan sanjungan kepadanya dengan kata-kata yang terkadang berlebih-lebihan tetapi sedikit benar orang yang datang memberi nasihat, memberi peringatan dan memberi tegur-teguran. Orang-orang luar yang bukan kaum keluarga, yang mengenal nama kita mencari-cari jalan supaya dapat menjadi sahabat yang akrab, menjadi saudara dan ahlinya. Ada pula setengahnya mencari salasilah -keturunannya sebab ada pertalian keluarga dicari-cari jalan dengan mengatakan kalau tidak berkeluarga dicari-cari jalan mengatakan bahawa ayahnya kenal baik dengan ayah saudara dan begitulah seterusnya asalkan sahaja dapat berdamping.

Setelah pujian dan sanjungan orang mengenyangkan perutnya dan ia menyangka bahawa harta bendanya itu akan kekal padanya untuk selamanya dan mustahil dirinya akan miskin dan melarat. Dengan perasaannya



*Gambar kenangan-kenangan pertemuan pelajar-pelajar Kolej Islam- yang lama dan yang baharu- yang datang dari Pahang bagi tahun 1956-1957. Duduk dari kanan: Abdul Hamid Abdullah (Temerloh), Abdul Muthalib al-Fikri (Lubuk Paku), Muhammad Tarikh Afandi (Dong Raub), Abdul Ghani haji Abdul Muthalib (Benta) dan ramli Tahir (Temerloh). Barisan belakang dari kiri: Muhammad Ali Haji Daud (Pekan), Ismail Arifin (Temerloh) dan Muhamamd Idris (Temerloh).*

itu maka lemahlah ia dari memelihara dan menjaga harta benda dan oleh kerana itu dihamburkan harta bendanya itu di tempat-tempat yang terlarang, di tempat-tempat maksiat bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya dan kepada orang-orang yang datang memuji-mujinya diberinya upah dan kawan-kawan yang datang menasihati dan menegur pekertiannya dipandangan cela dan berikhtiarlah ia untuk menjatuhkan kawan itu, dan untuk melakukan tindakan ini perlu kepada upah- orang yang mengaku menjadi keluarga, mengaku mejadi kaum kerabat dan sahabat yang bertali-tali yang tiap-tiap kali datang dengan yang tangannya kosong sebaliknya terpaksa dengan tangan yang berisi.

Oleh kerana hartanya keluar lebih banyak dari masuk maka satu masa ke satu masa harta itu pun setiap hari susut dan tidak berapa lama si hartawan tadi jatuh miskin dan sengsara seperti kebanyakan orang. Apabila sudah berlaku demikian maka lazimnya kawan yang tadinya akrab yang menyanjung

dengan kata-kata pujian dan menjadi keluarganya, mengaku orang lain; orang yang dahulunya banyak mendapat pertolongan daripadanya sekarang menjadi musuh. Dicubanya datang ke rumah orang itu mereka masing-masing menutup pintu ada juga yang menerima tetapi dengan muka yang masam, dan akhirnya ia hidup terkatung-terkatung seorang diri bagaikan orang hidup sebatang kara dan baharulah ia tahu bahawa kesengsaraan hidup hanya ia sendiri yang menanggung pada hal dahulu tatkala mewah kesenangan yang didapatinya dirasai bersama.

Saudara-saudara anggota Ikhwan! ini adalah salah satu gambaran yang kita lihat berlaku dalam masyarakat kita. Tidak hairan kalau pepatah Melayu mengatakan bahawa kawan ketawa mudah dicari, kawan menangis tidak ada langsung, Mudah benar kita mencari kawan dalam melaksanakan jalan kederhakaan dan kekufuran terhadap nikmat dan kurnia Tuhan, menggunakan nikmat dan

kurnia Tuhan bukan pada tempatnya, membelanjakan hartanya di tempat yang tidak patut, tempat yang tidak sesuai dengan melimpah-limpah apalagi kalau di dalam percampuran-percampuran maksiat dan tatkala ia tidak siuman melimpah-limpah wang itu dikeluarkannya dengan tidak memikirkan langsung bagaimana susah payah ibu bapa, jika harta warisannya, mengumpulkan harta itu dari sedikit dan melupakan bagaimana susah dan payahnya mencari harta itu. Tidak terfikir olehnya bagaimana orang lain payah mencari harta, bagaimana penderitaan orang yang tidak mempunyai harta.

Perkara inilah saudara, anggota Ikhwan, payah dan sukar untuk kita mencari ubatnya apabila telah biasa. tetapi walau bagaimanapun penyakit memboroskan harta itu jika mahu disembuhkan dengan berdikit-dikit tidak dengan sekali gus. Kalau ia memboroskan hartanya di tempat yang bukan mestinya maka pada waktu itu hendaklah ia selalu ingat akan akibat dari boros iaitu kepapaan dan kesengsaraan hidup yang kelak akan membawa ia meminta-minta belas kasihan orang dan membawakan dirinya hina dan rendah. Ia hendaklah mengendalikan betul-betul kehendak nafsu syaitannya- jangan sekali-kali menurutkan nafsu syahawat kerana nanti akan menjadi manja terkecuali untuk keperluan kesihatan dan menjaga kehormatan dan jangan pula tahan sama sekali kerana itu akan membawa pula kebinasaan kepada diri.

Hal-hal yang tersebut, saudara-saudara anggota Ikhwan, dapat dilihat dengan mata dan kepala kita sendiri akan kesan-kesannya dan kerana itulah kami menyeru supaya menghidupkan diri dengan sederhana- jangan terlalu bakhil sehingga menyekat makan sendiri, makan anak dan isteri dan kalau mewah terlampau pula tidak lagi menyesuaikan keadaan diri, tidak lagi menyiapkan bekalan-bekalan

untuk hidup di belakang hari. Sebaik-baik bagi kita ialah sederhana dan di sebalik itu kalau telah mempunyai kebolehan, telah mempunyai kemampuan, maka belanjakan harta saudara-saudara kepada jalan Allah, mencari keredhaan Tuhan dengan sedaya upaya. Bekerjalah dengan usaha dan tenaga sendiri, dengan kekuatan *māliyah* sendiri untuk mengembangkan syiar Islam sebagai satu tanggungjawab seorang Muslim. Korbankanlah harta dan tenaga untuk itu dengan tidak melupakan tanggungjawab pada famili sendiri. Di dalam semua janganlah berlebih-lebihan, jangan melebihi dari batasan dan hiduplah sebagai orang yang mencari keredhaan Tuhan yang menjalankan jihad setiap saat dan masa untuk keselamatan dan kesejahteraan masa akan datang.

Berikhtiarlah supaya hidup menjadi umat Muhammad yang setiap saat dan masa siap sedia meninggikan kalimah Allah. Marilah kita bekerja, sekali lagi bekerja untuk meninggikan kemuliaan agama Allah dengan harta kita, dengan kebolehan kita dan bekerjalah dalam masyarakat masing-masing kemudian apabila telah sempurna marilah kita satukan- kita satu padukan, supaya kemuliaan agama Allah itu akan tesarlah dan dengan demikian Allah akan menyempurnakan janji-Nya dan firman-Nya yang maksudnya: “Jika kamu menolong agama Allah, Allah akan menolong kamu dan menetapkan pendirian kamu.” Ingatlah saudara-saudara anggota Ikhwan! bahawa Allah tidak akan memungkiri janjinya dan ingatlah bahawa tiap-tiap sesuatu pekerjaan walaupun sekecil zarah akan disaksikan oleh Allah, oleh Rasul-Nya dan oleh kaum Muslimin.

Tatkala saudara-saudara menegakkan kalimah Tuhan, tatkala saudara-saudara menyambut seruan Tuhan dan tatkala menyampaikan seruan Tuhan janganlah gentar, janganlah takut kepada ugutan, cercaan dan celaan tetapi sampaikanlah dengan keyakinan dan ikhlas semata-mata kerana Allah. \*\*\*